

SINGAPURA, Selasa (BHS) — Penangkapan empat orang ahli silat Melayu baru-baru ini jelas menunjukkan bahawa bahaya rusuhan kaum dalam masyarakat Singapura tetap menjadi masalah yang sukar dihapuskan sama sekali. *JAB. CII DLM NL*

Begitu juga halnya dengan ancaman komunis yang masih belum terhapus, seperti yang terdedah dalam penangkapan [Vincent Cheng] dan aktivis komunis yang lain.

Malah, masyarakat Islam sendiri tidak terlepas dari ancaman komunis itu. *SP 4A A*

Menegaskan demikian, Menteri Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Masyarakat Islam, Dr Ahmad Mattar, berkata: "Ancaman komunis dan perkauman belum terhapus sama sekali.

Isu perkauman— B. Harian (M)

masih ancam -5 AUG 1987 Singapura

Parti Komunis Malaysia (PKM) masih lagi berpegang kuat kepada perjuangan bersenjata. Di antara taktik yang digunakan ialah menyusup ke dalam pertubuhan-pertubuhan termasuk pertubuhan agama dan memusnahkan musuh-musuhnya pada waktu yang difikirkan tepat.

"Kita pun belum terlepas dari masalah-masalah perkauman dan jika dibiarkan, ia akan membawa akibat buruk.

"Oleh itu, adalah mustahak rakyat Singa-

pura sentiasa berhati-hati untuk memastikan bahawa anasir-anasir yang tidak diingini ini tidak terus timbul."

Sewaktu berucap di majlis penyampaian blasiswa Majlis Agama Islam Singapura (Muis) dan Lembaga Blasiswa Kenangan Maulud (LBKM) malam semalam, Dr Mattar mengingatkan orang ramai supaya lebih berwaspada terhadap pelampau-pelampau perkauman serta tindak-tanduk mereka.